

Pendekatan matang, terpuji



Bersama
Dr Zuraimy Ali



Menjiwai semangat Rasulullah SAW dalam menyampaikan dakwah merupakan syarat yang penting bagi seorang pendakwah. Setiap perjuangan dakwah Rasulullah SAW dapat dijadikan sebagai inspirasi dan ikutan yang kuat dalam mempengaruhi insan untuk mendepani cabaran semasa. Pendekatan dakwah Rasulullah SAW adalah bersifat matang dan terpuji sesuai dengan kedudukan dan kemuliaannya sebagai seorang nabi yang dipilih Allah SWT dalam menyampaikan risalah Islam di atas muka bumi ini.

Kemuliaan Rasulullah SAW dapat dilihat melalui ucapan dan tindakan yang penuh berakhlak dan mendapat pengiktirafan daripada Maha Pencipta sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud: "Dan bahawa sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) mempunyai akhlak

Setiap pendakwah perlu menjiwai semangat yang dipamerkan oleh Rasulullah

SAW dalam menyeru manusia untuk beriman dengan seluruh rukun iman

yang amat mulia.” - (Surah al-Qalam, ayat 4). Jelas dengan ayat tersebut menunjukkan bahawa Rasulullah SAW merupakan insan yang memiliki akhlak yang agung dan seharusnya bagi seorang pendakwah wajib mengikuti akhlak Rasulullah SAW.

Kedatangan Rasulullah SAW di dunia ini bertujuan meneruskan legasi dakwah oleh rasul-rasul yang terdahulu iaitu menyeru manusia untuk kembali kepada keyakinan dan keimanan yang benar terhadap Pencipta yang tidak melakukan kesyirikan merupakan tanggungjawab yang berat yang perlu dipikul oleh setiap rasul utusan Tuhan. Dalam sejarah perjuangan Rasulullah SAW selama 23 tahun di bumi Makkah dan Madinah menyaksikan bahawa Baginda SAW tidak jemu untuk memperbetulkan kesilapan masyarakat terhadap keyakinan beragama berdasarkan ketetapan dan kehendak Pencipta.

Kesungguhan Rasulullah SAW dalam berdakwah dapat dilihat melalui doanya ketika Baginda pernah dihalau di bumi Taif. Antara doa Nabi SAW berbunyi: “Ya Allah kepada-Mu aku mengadu lemahnya kekuatanku, sempitnya upayaku, dan hinanya aku di mata manusia. Wahai Tuhan Yang Maha Pengasih daripada semua Pengasih, Engkaulah Tuhan bagi golongan yang lemah, Engkaulah tuhanku. Kepada siapa lagi Engkau akan serahkan diriku? Adakah kepada



SETIAP kita adalah pendakwah yang menyambung lisan para Nabi dalam menyampaikan risalah Islam buat manusia.

orang yang jauh yang bermuka bengis denganku? Atau kepada musuh yang akan menguasaiku? Jika Engkau tidak memurkaiku, aku tidak peduli. Tetapi kemaafan-Mu terlalu luas untukku. Aku berlingung dengan cahaya zat-Mu yang menerangi segala kegelapan, dan kerananya lah semua urusan dunia dan akhirat akan menjadi baik, daripada turunnya kemurkaan-Mu kepadaku atau berlakunya kemurkaan-Mu kepadaku. Hanya kepada-Mu aku kembali, supaya engkau redha. Tiada upaya dan kekuatan, kecuali dengan-Mu.” (Hadis riwayat at-Thabrani)

Baginda Nabi SAW sentiasa meletakkan harapan dan pergantungan yang kuat dalam doanya. Setiap ungkapan doa Nabi SAW merupakan mutiara yang sangat berharga di dasar lautan. Keyakinan terhadap doanya sentiasa menjadi pendorong kuat buat Nabi SAW dalam meneruskan misi dakwahnya. Tidak ada kuasa yang dapat menghalang dakwah Nabi SAW melainkan disetiap penjuruan akan datang pertolongan dan bantuan daripada Allah SWT buat kekasih-Nya. Hal ini dapat dibuktikan dengan doa yang



pernah dilafazkan Nabi SAW bagi tujuan menguatkan misi dakwah Baginda SAW yang berbunyi: “Ya Allah tidak ada siapa yang boleh menghalang apa yang Engkau berikan, tidak ada siapa yang dapat memberi apa yang Engkau halang dan tiada siapa yang berkuasa memberikan manfaat selain daripada Mu.” (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Justeru, setiap pendakwah perlu menjiwai semangat yang dipamerkan oleh Rasulullah SAW dalam menyeru manusia untuk beriman dengan seluruh rukun

iman dan melakukan amal soleh selaras dengan kehendak Allah SWT bagi menjamin kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Semangat yang dimiliki oleh Rasulullah SAW seharusnya diwarisi oleh setiap pendakwah kerana perjalanan menempuh medan dakwah semakin hari dilihat semakin mencabar. Jika ada manusia yang tersisih dari menerima dakwah Islam, maka sudah semestinya pencarian dan misi dakwah tidak terhenti setakat itu sahaja. Segala usaha perlu digembeleng dan digandakan bagi memastikan risalah Islam telah disampaikan dengan sebaik mungkin. Maka ingatlah pesan Rasulullah SAW kepada umatnya menerusi hadisnya yang masyhur yang bermaksud: “Sampaikanlah daripadaku walaupun sepotong ayat.” - (Hadis riwayat al-Bukhari). Setiap kita adalah pendakwah yang menyambung lisan para Nabi dalam menyampaikan risalah Islam buat manusia sepanjang zaman.

**Penulis Pensyarah Kanan
Akademi Pengajian Islam
Kontemporari Universiti
Teknologi Mara (UiTM)
cawangan Perlis**